

Ross Ariffin dapat rumah

Kuala Lumpur: Pemuzik dan komposer terkenal, Ross Ariffin, 62, akhirnya keluar daripada status gelandangan apabila menerima kediaman projek perumahan rakyat (PPR) Muhibbah di ibu kota daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).


Ross atau nama sebenarnya, Roslan Ariffin Jamil dihubungi berkata, dia bersyukur dengan rezeki kediaman dimiliki itu dan menyifatkan ia sangat bermakna buat dirinya untuk meneruskan kehidupan.

“Ya, saya ada dapat rumah PPR Muhibbah,

DBKL. Alhamdulillah, rezeki daripada Allah. Kediaman yang bagus dan saya amat bersyukur mendapatkannya untuk didiami tidak lama lagi. Kunci rumah, mungkin dapat minggu depan.

“Apapun, ini dilihat sebagai permulaan yang baik bagi saya untuk kembali berkarya. Perancangan memang ada, tapi perlahan-lahan dulu dan semoga semuanya baik-baik serta lancar,” katanya kepada Harian Metro.

Ross yang berasal dari



ROSS Ariffin

**“Ya, saya ada
dapat rumah PPR
Muhibbah DBKL”**

Melaka dan sudah selesa menetap di ibu kota berkata, tiada apa lebih menggembirakannya ketika ini selain

daripada berita gembira mendapatkan rumah di PPR Muhibbah itu.

Baru-baru ini, kisah hidup menyayat hati Ross yang tiada kediaman sendiri menyebabkan dia menjadi gelandangan sejak lebih tiga tahun lalu menarik perhatian ramai selepas tular di media sosial.